

1054- PEMBUKTIAN KES TUNTUTAN BERKAITAN CUAI NAFKAH: KAJIAN TERHADAP PEMBELAAN PENINGKATAN KOS SARA HIDUP

AZIZAH MOHD RAPINI

Fakulti Syariah dan Undang-undang
Universiti Islam Antarabangsa Selangor (UIS)
azizah@kuis.edu.my

ABSTRAK

Islam telah menetapkan tanggungjawab terhadap kaum lelaki memberi nafkah kepada ahli keluarganya terutama isteri, anak, ibu dan bapa serta ahli keluarga yang lain yang menjadi tanggungannya menurut hukum syarak seperti adik perempuan atau anak saudara yang kematian bapa. Malah, kecuaiannya seseorang lelaki menunaikan tanggungjawab nafkah tersebut boleh menyebabkan tindakan saman beserta tuntutan di mahkamah syariah sebagaimana peruntukan-peruntukan yang wujud dalam undang-undang (akta atau enakmen) keluarga Islam di Malaysia. Walau bagaimanapun, pertimbangan mahkamah boleh diberikan terhadap apa-apa pembelaan atau untuk taksiran jumlah nafkah sekiranya wujud bukti ketidakmampuan atau apa-apa halangan munasabah. Sebarang tuntutan di mahkamah syariah yang mempunyai kaitan dengan kecuaiannya nafkah boleh berlaku dalam beberapa tuntutan seperti tuntutan nafkah iddah, tuntutan tunggakan nafkah (isteri), tuntutan nafkah anak, tuntutan pengesahan cerai ta'liq, tuntutan fasakh dan lain-lain. Kajian ini bertujuan membincangkan isu-isu pembuktian yang wujud dalam sebarang prosiding berkaitan kecuaiannya nafkah khususnya dalam pembelaan komitmen kewangan dan halangan kos sara hidup yang tinggi terutama di Malaysia pada masa kini apabila peningkatan kos sara hidup semakin hangat diperkatakan. Kajian ini merupakan kajian kualitatif melibatkan analisis kandungan dokumen terutama statut, teks perundangan dan artikel jurnal. Kajian mendapati elemen darar merupakan salah satu tanda aras utama dalam pembelaan peningkatan kos sara hidup dari pihak lelaki jika mereka berjaya membuktikan komitmen berserta impak kemerosotan kualiti kehidupan supaya dapat dipertimbangkan oleh mahkamah untuk membenarkan atau tidak membenarkan sebarang tuntutan berkaitan dari pihak lawan.

Kata kunci: tuntutan, nafkah, cuai, mahkamah syariah, pembelaan, kos sara hidup

Pengenalan

Dasar Inisiatif Lelaki Qawwam (ILQ) yang diperkenalkan oleh Kerajaan pada tahun 2022 telah meletakkan peranan yang sangat signifikan kepada kaum lelaki khususnya dalam kalangan masyarakat Islam untuk meneraju institusi kekeluargaan sebagai platform utama ke arah pembentukan ummah sejahtera. Sifat 'qawwam' seorang lelaki perlu diterjemahkan dalam kehidupan mereka memimpin keluarga secara adil dengan menunaikan segala tanggungjawab sebagai suami dan bapa khususnya seperti yang digariskan di dalam al-Quran dan melalui teladan yang ditunjukkan oleh Nabi Muhammad s.a.w dalam sunnahnya. Salah satu tanggungjawab yang besar bagi seorang lelaki terutama mereka yang telah berstatus suami dan bapa ialah tanggung jawab nafkah pellagra. Malah tanggungjawab tersebut telah diperuntukkan dalam sistem perundangan syariah di Malaysia melalui Akta/Enakmen Undang-undang Keluarga Islam negeri-negeri. Walau bagaimanapun, isu nafkah dan pengabaian nafkah menjadi salah satu tuntutan yang popular di mahkamah syariah sama sekaligus menjadi satu tanda tanya sejauh mana kaum lelaki yang dianggap 'qawwam' ini menghayati pensyariaan tanggungjawab nafkah tersebut sedangkan ketetapan syarak telah

meletakkan tanggung jawab tersebut kepada mereka dalam keadaan apa sekalipun tanpa mengira berapa banyak jumlah pendapatan mereka melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu melibatkan keuzuran serta ketidakmampuan yang boleh diterima akal. Kajian ini akan melihat isu berkaitan pembelaan-pembelaan yang dibangkitkan oleh pihak lelaki sama ada sebagai bapa atau suami atas alasan kos sara hidup yang tinggi yang menghalang mereka untuk memberikan nafkah secukupnya sehingga menyebabkan tuntutan nafkah difailkan di mahkamah syariah. Kajian ini juga akan menganalisis pembuktian-pembuktian yang mungkin boleh diterima oleh mahkamah syariah sekiranya pihak bapa atau suami berhasrat membela diri menafikan tuntutan tersebut atas alasan ketidakmampuan disebabkan peningkatan kos sara hidup pada masa kini. Kajian ini tidak bermaksud menafikan hak nafkah wanita sama ada ibu dan anak, tetapi untuk menunjukkan bahawa mahkamah dalam sesetengah keadaan boleh mempertimbangkan alasan tertentu terutama aspek kemampuan lelaki dalam sebarang tuntutan nafkah yang difailkan.

METODOLOGI KAJIAN

Kajian ini merupakan kajian kualitatif yang hanya melibatkan kajian kepustakaan melalui sumber-sumber atau penulisan perundangan Islam serta statut-statut berkaitan. Kajian ini melibatkan analisis kandungan dokumen terhadap dua statut utama iaitu Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003 (EUKIS 2003) dan Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003 (EKMS 2003), sebagai sampel kajian dan rujukan statut yang utama kerana hampir kebanyakan enakmen yang sama bagi negeri-negeri lain di Malaysia termasuk akta-akta berkaitan di Wilayah Persekutuan mempunyai komponen serta peruntukan atau kandungan yang sama.

SOROTAN LITERATUR

Secara umumnya kewajipan nafkah keluarga terutama nafkah isteri dan anak adalah terletak kepada kaum lelaki iaitu suami atau bapa melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu melibatkan keuzuran dan kematian suami atau bapa yang akan melibatkan perpindahan tanggungjawab kepada waris sebelah bapa. Tanggungjawab tersebut telah termaktub dalam al-Quran dalam beberapa ayat iaitu dalam ayat 233 Surah al-Baqarah berkaitan kewajipan nafkah anak kepada bapa yang bermaksud:

“Dan ibu-ibu hendaklah menyusukan anak-anak mereka selama dua tahun genap iaitu bagi orang yang hendak menyempurnakan penyusuan itu; dan kewajipan bapa pula ialah memberi makan dan pakaian kepada ibu itu menurut cara yang sepatutnya”. (Al-Baqarah, 2: 233)

Firman Allah SWT dalam ayat lain juga telah menegaskan tentang tanggungjawab lelaki atau suami memberi nafkah kepada isteri atau bekas isteri seperti yang termaktub dalam Surah al-Talaq, ayat 6 yang bermaksud:

“Tempatkanlah mereka (para isteri yang menjalani idah) di tempat tinggal kamu menurut kemampuan dan janganlah kamu menyusahkan mereka untuk menyempitkan (hati) mereka. Dan jika mereka (isteri-isteri yang sudah ditalak) itu sedang hamil, maka berikanlah kepada mereka nafkahnya sampai mereka melahirkan kandungannya, kemudian jika mereka menyusukan (anak-anak) mu,

maka berikanlah upahnya kepada mereka; dan musyawarahkanlah (berundinglah) di antara kamu (segala sesuatu) dengan baik; dan jika kamu menemui kesulitan, maka perempuan lain boleh menyusukan (anak itu) untuknya.”

Ayat di atas juga telah jelas menunjukkan kewajiban serta tanggung jawab lelaki memastikan keperluan nafkah bekas isteri dipenuhi selepas berlaku perceraian lebih-lebih lagi jika mereka mempunyai anak yang akan menjadi asas pertimbangan utama untuk menentukan kadar keperluan nafkah yang boleh diputuskan oleh hakim. Norman Zakiyy et.al (2021) menyatakan secara dasarnya, kadar nafkah adalah menyamai apa yang telah diterima oleh isteri yang diceraikan semasa dalam tempoh perkahwinan dan ini berdasarkan kemampuan suami berdasarkan firman Allah (SWT) dalam Surah al-Talaq 65 ayat 6 tersebut. Seorang suami mempunyai tanggungjawab untuk memberi nafkah dan tidak boleh menggunakan alasan kehilangan pekerjaan, miskin atau kurang pendapatan. Walau bagaimanapun, keadaan sosio-ekonomi suami yang tidak baik boleh dijadikan alasan untuk memberi kadar nafkah yang berpatutan terutama selepas fasa pandemik yang berlaku di Malaysia akibat wabak covid-19. Mahkamah masih boleh bertindak atas budi bicaranya untuk membuat taksiran untuk sebarang tuntutan nafkah termasuk nafkah ‘iddah dengan kadar yang berpatutan dengan mengambil kira kemampuan suami membayar dan tidak hanya bergantung kepada pendapatan suami semata-mata.

Abdul Walid (2016) telah merumuskan hak isteri untuk mendapatkan nafkah melalui tuntutan di mahkamah syariah sama ada sebelum atau selepas berlaku perceraian. Kebiasaannya selepas berlaku perceraian, seseorang isteri akan menfailkan tuntutan berkaitan nafkah sama ada melalui tuntutan tunggakan nafkah dan tuntutan nafkah ‘iddah berserta hak tempat tinggal di rumah asal mereka (rumah kelamin) terutama jika mempunyai anak. Isteri juga berhak menuntut nafkah untuk anaknya jika anak berada atau diputuskan oleh mahkamah dijaga atau dipelihara oleh ibu. Tuntutan lain yang mempunyai kaitan dengan kecuaiannya nafkah menurut Abdul Walid juga ialah tuntutan pengesahan cerai taklik dan tuntutan pembubaran perkahwinan secara fasakh.

Menurut Raihanah et.al (2012), dalam kes tuntutan nafkah isteri dan anak, sekiranya hakim menetapkan kadar nafkah tanpa mengambil kira objektif syariah, dikhuatiri ia boleh membawa kepada kemudaratan kepada akal, agama, nyawa, harta dan keturunan keluarganya. Contohnya untuk menjaga nyawa seseorang perlu mendapat makanan yang mencukupi untuk kelangsungan hidup. Sekiranya nafkah yang diberi terlalu sedikit dan tidak mencukupi untuk perbelanjaan makanan yang berkhasiat maka ia akan menjejaskan kesihatan anak yang boleh membawa kepada pengabaian penjagaan nyawa untuk tempoh yang panjang. Justeru dalam menentukan kadar nafkah yang mengambil kira kemampuan bapa atau suami dan keperluan isteri dan anak, perlulah melihat kepada realiti semasa apakah yang dimaksudkan keperluan isteri dan anak-anak. Ini kerana, pemberian nafkah tanpa mengambil kira kesemua faktor tersebut tidak mencapai maqasid pemberian nafkah.

Hazwan dan Jasni (2021) merumuskan sekiranya bapa atau suami tidak berkemampuan dalam memberi nafkah anak dan isteri maka tanggung jawab memberi nafkah akan berpindah kepada ahli waris sebelah bapa/suami yang lain terutama datuk jika masih ada mengikut aturan dan keutamaan pembahagian faraid berdasarkan kelebihan hak yang diterima. Walau bagaimanapun mengikut kebiasaan dalam masyarakat Islam di Malaysia, tanggungjawab itu

berlegar sekitar datuk dan bapa saudara sahaja kerana merekalah yang terdekat dengan anak tersebut. Sekiranya anak tersebut sudah tidak lagi mempunyai ahli waris yang lain, maka pihak Baitulmal akan bertanggungjawab dalam memberi nafkah kepada anak tersebut.

Sebarang tuntutan berkaitan nafkah disebabkan kecuaiannya oleh pihak bapa atau suami akan didengar di mahkamah syariah melalui tatacara dan bidang kuasa yang ditetapkan. Undang-undang yang berkaitan bukan setakat tertumpu kepada undang-undang keluarga Islam, undang-undang pentadbiran agama Islam dalam penentuan bidang kuasa mahkamah dan undang-undang tatacara mal, malah ia juga akan melibatkan undang-undang keterangan mahkamah syariah bagi mengenal pasti kaedah pembuktian dan kedudukan keterangan pihak-pihak sama ada di pihak menuntut dan di pihak pembelaan untuk mahkamah membenarkan atau menolak tuntutan tersebut.

Azizah (2015) merumuskan prinsip beban pembuktian khususnya dalam kes mal yang ada dalam statut keterangan mahkamah syariah di Malaysia telah meletakkan tanggungjawab mengemukakan bukti kepada kedua-dua pihak jika pihak plaintif atau al-muddaie mengemukakan tuntutan dan dakwaan kecuaiannya oleh bapa atau suami dan juga kepada pihak defendan atau al-mudda'a 'alaihi jika defendan mempunyai alasan atau pembelaan terhadap tuntutan plaintif. Contohnya jika si suami mendakwa bahawa isterinya telah nusyuz dengan keluar rumah tanpa izin maka dialah yang memikul beban untuk membuktikan dakwaan nusyuz tersebut, dan jika si isteri mendakwa perbuatan keluar rumah tanpa izin suami adalah disebabkan sikap suami yang sering memukulnya maka dia jua memikul beban membuktikan dakwaan tersebut. Jika mana-mana pihak gagal membuktikan sebarang dakwaannya maka dakwaannya boleh ditolak oleh mahkamah. Ini dijelaskan dalam seksyen 74 EKMS 2003 contohnya, yang memperuntukkan bahawa beban pembuktian terletak ke atas pihak yang akan gagal jika tiada keterangan dikemukakan untuk membuktikan dakwaannya. Jadi, mana-mana pihak yang berhasrat memenangi sesuatu kes maka besarlah tanggungjawabnya untuk mengemukakan sebarang bukti bagi mengukuhkan tuntutan atau dakwaannya.

Oleh yang demikian sekiranya pihak defendan berhasrat untuk membela diri terhadap sebarang tuntutan berkaitan nafkah atas alasan ketidakmampuannya yang disebabkan oleh peningkatan kos sara hidup maka beban pembuktian terhadap alasan tersebut dipikul juga olehnya untuk dipertimbangkan oleh mahkamah terutama dalam pentaksiran kadar nafkah sama ada dalam kes tuntutan berkaitan nafkah isteri (tunggakan atau nafkah 'iddah) atau nafkah anak.

ANALISIS DAN PERBINCANGAN

Sebarang tuntutan di mahkamah syariah yang mempunyai kaitan dengan kecuaiannya oleh nafkah boleh berlaku dalam beberapa tuntutan yang popular di mahkamah syariah seperti berikut (rujukan terhadap EUKIS 2003):

- i. Tuntutan nafkah iddah – seksyen 66
- ii. Tuntutan tunggakan nafkah (isteri) – seksyen 60
- iii. Tuntutan nafkah anak – seksyen 73 (1)
- iv. Tuntutan pengesahan cerai ta'liq – seksyen 50
- v. Tuntutan fasakh – seksyen 53

Secara umumnya isteri yang diceraikan berhak mendapat nafkah 'iddah selagi tidak diisytihar sebagai nusyuz oleh mana-mana mahkamah supaya boleh meneruskan kelangsungan hidup secara bersendirian tanpa pasangan selama dalam tempoh 'iddah seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 66 (1) EUKIS:

Hak bagi seseorang isteri yang telah bercerai untuk menerima nafkah daripada suaminya yang dahulu di bawah sesuatu perintah Mahkamah hendaklah terhenti apabila tamat tempoh iddah atau apabila isteri menjadi nusyuz.

Isteri yang telah diceraikan juga berhak untuk mengemukakan tuntutan tunggakan nafkah sekiranya terbukti suami cuai dan gagal memberi nafkah dalam tempoh perkahwinan sebagai nafkah wajib kepada seorang isteri selagi tidak ada sebarang tanda dan perisytiharan nusyuz, selari dengan peruntukan undang-undang seksyen 60 EUKIS 2003:

- (1) Tertakluk kepada Hukum Syarak Mahkamah boleh memerintahkan seseorang lelaki membayar nafkah kepada isteri atau bekas isterinya.
- (2) Tertakluk kepada Hukum Syarak dan pengesahan Mahkamah seseorang isteri tidaklah berhak mendapat nafkah apabila dia nusyuz atau enggan dengan tidak berpatutan menurut kemahuan atau perintah sah suaminya, iaitu antara lain –
 - (a) apabila dia menjauhkan dirinya dari suaminya;
 - (b) apabila dia meninggalkan rumah suaminya bertentangan dengan kemahuan suaminya; atau
 - (c) apabila dia enggan berpindah bersama suaminya ke satu rumah atau tempat lain, tanpa apa-apa sebab yang sah mengikut Hukum Syarak.
- (3) Selepas sahaja isteri itu bertaubat dan menurut kemahuan dan perintah sah suaminya, maka isteri itu tidaklah lagi menjadi nusyuz.

Selain dari nafkah isteri, undang-undang juga telah meletakkan tanggungjawab memberi nafkah anak kepada para bapa selari dengan ketetapan dalam hukum syarak melalui perintah Allah SWT di dalam al-Quran yang telah dijelaskan sebelum ini. Seksyen 73 EUKIS 2003 memperuntukkan:

- (1) Kecuali jika sesuatu perjanjian atau sesuatu perintah Mahkamah memperuntukkan selainnya, maka dalah menjadi kewajipan seseorang lelaki menanggung nafkah anaknya, sama ada anak itu berada dalam jagaannya atau dalam jagaan seseorang lain, sama ada dengan mengadakan bagi mereka tempat tinggal, pakaian, makanan, perubatan dan Pelajaran sebagaimana yang munasabah memandang kepada kemampuan dan taraf kehidupannya atau dengan membayar kosnya.
- (2) Kecuali seperti yang tersebut di atas, adalah menjadi kewajipan seseorang yang bertanggung di bawah Hukum Syarak, supaya menanggung nafkah atau memberi sumbangan kepada nafkah kanak-kanak jika bapa kanak-kanak itu telah mati atau tempat di mana bapanya berada tidak diketahui atau jika dan setakat mana bapanya tidak berupaya menanggung nafkah mereka.

Peruntukan di atas juga telah memberikan tanggungjawab kepada pihak lain selain bapa untuk memberi nafkah anak dalam keadaan-keadaan keuzuran atau kematian bapa itu sendiri yang akan berpindah kepada waris terdekat bapa mengikut susuan faraid dalam hukum syarak. Ini bermakna, seseorang ibu boleh menfailkan tuntutan nafkah kepada waris

suaminya untuk nafkah anaknya jika berlaku kecuaiannya nafkah pihak waris selepas diminta secara baik sebelum menfailkan tuntutan tersebut di mahkamah syariah.

Walau bagaimanapun dalam memutuskan tuntutan-tuntutan seperti di atas, undang-undang juga telah mengeluarkan satu prinsip utama untuk mahkamah pertimbangkan bagi memastikan kes didengar secara adil melalui seksyen 62 EUKIS 2003 iaitu :

Pada menentukan jumlah sesuatu nafkah yang hendak dibayar, Mahkamah hendaklah mengasaskan pentaksirannya terutama sekali ke atas kemampuan dan keperluan pihak-pihak itu, dengan mengirra kadar nafkah itu berbanding dengan pendapatan orang yang terhadapnya perintah itu dibuat.

Oleh yang demikian, peruntukan di atas telah memberikan prinsip umum tentang dua elemen utama yang menjadi pertimbangan mahkamah untuk mentaksir jumlah nafkah iaitu kemampuan pemberi nafkah (bapa atau suami/bekas suami) dan keperluan penerima nafkah (anak atau isteri/bekas isteri) dengan mengambil kira keperluan asasi untuk kelangsungan hidup mengikut kebiasaan terkini yang dikategorikan sebagai *daruriyyat* mengikut prinsip maqasid syariah.

Kes-kes tuntutan di mahkamah syariah yang melibatkan kecuaiannya nafkah bukan hanya berlaku dalam kes tuntutan nafkah semata-mata tetapi boleh juga berlaku dalam tuntutan lain yang menjadikan kecuaiannya nafkah sebagai alasan untuk tuntutan induk iaitu tuntutan pengesahan lafaz cerai ta'liq dan fasakh. Seksyen 50(1) telah memperuntukkan hak seseorang isteri untuk menuntut pengesahan lafaz cerai ta'liq mengikut surat akuan ta'liq yang telah ditandatangani oleh suami usai akad nikah dan kecuaiannya nafkah untuk beberapa bulan menjadi salah satu elemen dalam lafaz ta'liq tersebut. Seksyen tersebut telah memperuntukkan:

Seseorang Perempuan yang bersuami boleh, jika berhak mendapatkan perceraian menurut syarat-syarat surat perakuan ta'liq yang dibuat selepas berkahwin, memohon kepada Mahkamah untuk menetapkan bahawa perceraian yang demikian telah berlaku.

Undang-undang keluarga Islam di Malaysia juga telah memberikan hak kepada seseorang isteri untuk menfailkan tuntutan pembubaran perkahwinan secara fasakh menggunakan alasan kecuaiannya nafkah dalam tempoh minimum tiga bulan sebagaimana yang diperuntukkan dalam seksyen 53 EUIKIS 2003 sebagai contoh:

- (1) Seseorang Perempuan atau lelaki, mengikut mana-mana yang berkenaan, berkahwin mengikut Hukum Syarak adalah berhak mendapat suatu perintah untuk membubarkan perkahwinan atau fasakh atas satu atau lebih daripada alasan-alasan yang berikut, iaitu
 -
 - (a).....
 - (b) bahawa suami telah cuai atau telah tidak mengadakan peruntukan bagi nafkahnya selama tempoh tiga bulan;
 -

Walau apa pun tuntutan berkaitan nafkah dan kecuaiannya nafkah yang difailkan di mahkamah syariah, mahkamah hanya akan memutuskan berdasarkan keterangan-keterangan serta

bukti-bukti yang dikemukakan oleh kedua-dua pihak sama untuk dalam dakwaan cuai nafkah atau dalam pembelaan menafikan dakwaan tersebut.

Pembuktian Kes Berkaitan Cuai Nafkah

Prinsip undang-undang keterangan telah menetapkan prinsip pembuktian utama berdasarkan , seksyen 72 EKMS 20023 (sebagai sampel dan contoh) yang memperuntukkan bahawa beban untuk mengemukakan keterangan dalam kes mal (sivil) terletak ke atas orang yang mendakwa (*mudda`i*) dan orang yang mengangkat sumpah untuk menafikan atau mempertikaikan sesuatu fakta (*mudda`a `alaih*). Seksyen 73 pula memperuntukkan beban pembuktian kewujudan sesuatu fakta dipikul oleh pihak yang mahu mahkamah memberi penghakiman ke atasnya tentang sesuatu hak atau liabiliti menurut undang-undang berdasarkan fakta yang dikemukakan olehnya dan jika seseorang itu dikatakan perlu membuktikan sesuatu fakta bermakna dia memikul beban pembuktian.

Kaedah umum berkaitan beban pembuktian diambil dari hadis Rasulullah s.a.w :

لو يعطى الناس بدعواهم لادعى رجل أموال قوم ودماءهم , لكن البينة على المدعي واليمين على من أنكر

Jika manusia dibenarkan setiap dakwaannya, tanpa bukti, maka sudah tentu manusia akan mendakwa darah dan harta orang lain, tetapi keterangan ke atas pihak yang mendakwa dan sumpah ke atas pihak yang ingkar/menafikan.

(Hadis Riwayat al-Bayhaqi, dan Ahmad)

Hadis di atas menerangkan prinsip umum beban pembuktian yang dipikul oleh pihak yang membuat dakwaan. Perkataan *mudda`i* dalam hadis di atas secara umumnya merujuk kepada pihak pendakwa dalam kes jenayah atau pihak plaintif/penuntut dalam kes sivil dengan syarat (Mahmud Saedon, 1996)

- i. Pendakwa / plaintif seorang yang *mukallaf*.
- ii. Pendakwa /plaintif mempunyai *locus standi* atau kelayakan dari sudut undang-undang untuk mengemukakan dakwaan/tuntutan.

Prinsip dari hadis di atas juga telah diperuntukkan di dalam Perkara 76 Majallatul Ahkam al-`Adliyyah (The Mejelle, 2001)) sebagai prinsip keterangan.

Evidence is for the person who claims, the oath for the person who denies.

Walaupun hadis *لو يعطى الناس بدعواهم لادعى رجل أموال قوم ودماءهم , لكن البينة على المدعي واليمين على من أنكر* secara literalnya menegaskan beban pembuktian terletak ke atas *mudd`ai* atau pihak yang membuat dakwaan/tuntutan, peruntukan dari statut di atas memperincikan prinsip dalam menentukan beban pembuktian dalam kes mal yang terletak kepada kedua-dua pihak jika mereka mengemukakan sesuatu dakwaan atau fakta.

Dalam kes kes tuntutan tunggakan nafkah contohnya, sekiranya si suami mempertikaikan dakwaan isteri atau gagal membuktikan pembayaran nafkah telah dibuat maka dakwaan isteri adalah diterima kerana pada asalnya nafkah belum dibayar dan memang menjadi tanggungjawab asal suami memberi nafkah kepada isteri atau bekas isteri walaupun tuntutan tersebutnya asal dibuat oleh pihak isteri atau bekas isteri selari dengan kaedah fiqh:

الأصل في الصفات العارضة العدم
Pada asalnya sifat mendatang adalah tidak wujud.

Kaedah di atas boleh dirujuk sebagai asas keterangan bahawa nafkah pada asalnya belum wujud dan oleh sebab itulah dakwaan pihak isteri akan diterima melainkan dinafikan oleh pihak suami atau bapa dengan dakwaan atau alasan lain yang dibuktikan juga. Prinsip atau kaedah fiqh ini telah diperuntukkan dalam Perkara 9 Majallah al-Ahkam (The Mejjelle,2001)

Pembuktian Dalam Pembelaan Peningkatan Kos Sara Hidup

Pandemik Covid-19 telah menyaksikan pelbagai kesan terhadap sosio ekonomi rakyat Malaysia termasuk kesan terhadap perkahwinan dan pendapatan atau pekerjaan di samping kesan-kesan lain berkaitan tahap kesihatan. Kesan yang paling ketara ialah dari aspek ekonomi apabila ramai yang kehilangan pekerjaan dan pendapatan untuk beberapa bulan atau tempoh yang lama. Memulakan kehidupan baru dengan pekerjaan atau pendapatan yang baru juga bukan mudah. Usaha untuk menstabilkan ekonomi keluarga juga bukan mudah terutama bagi seorang ketua keluarga atau bapa/suami. Apatah lagi apabila perkahwinan berakhir dengan perceraian yang membawa kepada proses-proses tuntutan-tuntutan berkaitan di mahkamah syariah selepas mahkamah beroperasi semula setelah fasa pandemik memasuki fasa pemulihan yang membuka semula semua perkhidmatan-perkhidmatan di agensi-agensi Kerajaan.

Dalam apa-apa kes yang berkaitan tuntutan nafkah dan dakwaan kecuaiian nafkah, seseorang defendan (yang kebiasaannya adalah pihak bapa atau suami/bekas suami) tetap diberi hak untuk bersuara sebagai pembelaan dengan apa-apa alasan yang difikirkan boleh dipertimbangkan oleh mahkamah supaya tuntutan boleh dinafikan atau dibenarkan dengan apa-apa perintah yang wajar dan adil melihat kepada kemampuan defendan sebagaimana yang telah dijelaskan sebelum ini.

Oleh yang demikian, sekiranya pihak defendan berhasrat untuk membela diri atas alasan ketidakmampuan disebabkan peningkatan kos sara hidup, alasan dan dakwaan tersebut perlulah dibuktikan dengan kaedah-kaedah pembuktian yang wajar untuk didengar oleh mahkamah. Kaedah-kaedah pembuktian yang utama boleh dikategorikan seperti berikut:

i. Pengakuan (*Iqrar*) Defendan

Seksyen 17 EKMS 2003 memperuntukkan:

- (1) *Iqrar* ialah suatu pengakuan yang dibuat oleh seseorang secara bertulis atau lisan atau dengan isyarat, menyatakan bahawa dia mempunyai obligasi atau tanggungan terhadap mana-mana orang lain berkenaan dengan sesuatu hak.
- (2) Apa-apa *iqrar* hendaklah dibuat –
 - (a) Di dalam Mahkamah, di hadapan Hakim: atau
 - (b) Di luar Mahkamah, di hadapan dua orang saksi lelaki yang aqil, baligh dan '*adil*.
- (3)

Dalam prosiding kes-kes berkaitan kecuaiian nafkah, mahkamah boleh memutuskan atau mempertimbangkan tuntutan melalui pengakuan atau *iqrar* defendan sendiri bahawa memang defendan tidak memberi nafkah dalam tempoh-tempoh yang didakwa semasa sesi memberi

keterangan di pihak defendan. Pada masa ini defendan mungkin diberi peluang untuk mengemukakan alasan-alasan mengapa berlaku kegagalan memberi nafkah. Pengakuan tersebut juga boleh berlaku dalam pliding (dokumen bertulis) Penyata Pembelaan sebelum prosiding pendengaran kes di hadapan hakim beserta alasan-alasan atau jawapan kepada dakwaan plaintif terutama yang berkaitan dengan fakta peningkatan kos sara hidup. Oleh kerana *iqrar* merupakan kaedah pembuktian yang kuat dan boleh mencapai tahap *al-yaqin* atau tanpa keraguan langsung (Mahmud Saedon, 1993), maka pengakuan defendan boleh memudahkan pihak mahkamah membuat atau memutuskan sebarang pertimbangan terhadap tuntutan nafkah atau untuk menerima sebarang dakwaan pihak defendan. Sekiranya kes jenayah bagi kesalahan hudud menghendaki tahap *al-yaqin* untuk pensabitan sama ada melalui *iqrar* atau *syahadah*, maka apatah lagi kes mal jika sebarang pengakuan diperolehi adalah lebih baik dari segala jenis kaedah pembuktian.

ii. Kesaksian (*Syahadah*)

Kesaksian atau *syahadah* adalah kaedah pembuktian kedua selepas *iqrar* yang boleh mencapai tahap *al-yaqin* (Mahmud Saedon, 1993). Keterangan dari seorang saksi menurut EKMS 2003 boleh diterima sebagai *syahadah* sekiranya memenuhi semua syarat *syahadah* seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 83 (1) enakmen yang sama yang memperuntukkan:

Tertakluk kepada peruntukan seksyen ini, semua orang Islam adalah kompeten memberikan *syahadah* atau *bayyinah* sebagai sasi dengan syarat bahawa mereka adalah '*aqil*, baligh, '*adil*, mempunyai ingatan yang baik dan tidak berprasangka.

Peruntukan di atas juga secara tidak langsung memberikan konotasi bahawa sekiranya mana-mana syarat *syahadah* tidak dipenuhi maka keterangan saksi akan diterima sebagai *bayyinah* atau keterangan biasa yang tidak boleh mencapai tahap *al-yaqin* tetapi boleh jadi kuat seakan-akan *al-yaqin* jika ia boleh mencapai tahap *ghalabatuzzon* (berat sangka kepada benar atau melampaui keraguan munasabah) dengan disokong oleh keterangan-keterangan lain yang kuat. Penerimaan keterangan saksi sebagai *bayyinah* (tidak memenuhi syarat *syahadah*) telah diperincikan dalam seksyen 83 (2) hingga 83 (7) enakmen yang sama seperti keterangan saksi kanak-kanak, keterangan saksi bukan Islam dan keterangan saksi yang mempunyai hubungan atau saksi tohmah.

Seksyen 86 (5) EKMS 2003 pula memperuntukkan:

Kecuali sebagaimana yang diperuntukkan selainnya dalam seksyen ini, keterangan hendaklah diberikan oleh dua orang saksi lelaki atau oleh seorang saksi lelaki dan dua orang saksi perempuan.

Oleh yang demikian, sekiranya pihak defendan berhasrat untuk mengemukakan pembelaan atau dakwaan ketidakmampuan kewangan disebabkan peningkatan kos sara hidup, defendan boleh mengemukakan saksi-saksi yang menyokong kesnya yang boleh menjelaskan keadaan sebenar yang dialami oleh defendan yang mungkin berkaitan keadaan terkini kehidupan sebenar yang boleh dilihat oleh mata kasar saksi sendiri, kesukaran hidup, komitmen keluarga serta usaha-usaha yang dilakukan oleh pihak defendan untuk mengatasi masalah kewangan yang dihadapi. Untuk menjadikan kesnya lebih kuat pihak defendan perlu

bersedia mengemukakan saksi-saksi yang kompeten sebanyak dua orang lelaki atau seorang lelaki beserta dua orang saksi wanita.

iii. *Qarinah* Melalui Dokumen

Seksyen 3 EKMS 2003 telah mentakrifkan *qarinah* sebagai fakta yang mempunyai kaitan dengan fakta yang satu lagi dengan apa-apa cara. Seksyen 9 enakmen yang sama pula memperuntukkan:

Fakta yang perlu untuk menghuraikan satau mengemukakan apa-apa fakta persoalan atau fakta relevan, atau yang menyokong atau mematahkan sesuatu kesimpulan yang dibayangkan oleh sesuatu fakta persoalan atau fakta relevan, atau yang menentukan identiti mana-mana benda atau orang yang identitinya ialah relevan, atau yang menetapkan masa atau tempat di mana mana-mana fakta persoalan atau fakta relevan telah berlaku atau yang menunjukkan hubungan pihak-pihak yang olehnya mana-mana fakta ini ditransaksikan, ialah *qarinah* setakat yang fakta itu perlu bagi maksud itu.

Kedua-dua peruntukan di atas memberikan alternatif kepada pihak defendan untuk menyokong dakwaannya berkaitan ketidakmampuan kewangan melalui keterangan secara *qarinah* terutama dengan mengemukakan dokumen-dokumen yang membuktikan komitmen semasa serta pendapatan terkini yang menunjukkan keterbatasan kemampuan bagi memenuhi sebarang tuntutan pihak lain terutama tuntutan nafkah. Apatah lagi sekiranya defendan telah mempunyai keluarga baru yang menyebabkan pertambahan komitmen ditambah lagi dengan kos sara hidup masa kini yang semakin membimbangkan ramai pihak terutama dengan kenaikan harga barang-barang keperluan. Dakwaan ketidakmampuan bukan bermakna mahu melepaskan tanggungjawab tetapi sekurang-kurangnya berpotensi mendapat pertimbangan hakim untuk sebarang keputusan atau perintah. Kejujuran di pihak defendan sendiri boleh dibuktikan melalui dokumen-dokumen bersifat primer yang menunjukkan usaha-usaha defendan dalam memperbaiki kedudukan kewangannya sekaligus usaha untuk memenuhi tuntutan yang dikemukakan mengikut kadar kemampuannya. Selain menjadi *qarinah* (keterangan keadaan) untuk menyokong dakwaan defendan, dokumen juga telah diperuntukkan dalam bahagian khas sebagai keterangan dokumentar dalam EKMS 2003, sekaligus memberikan prinsip utama tentang kepentingan mengemukakan keterangan dokumen yang asli atau primer untuk diterima oleh mahkamah. Seksyen 48 telah memperuntukkan keterangan dokumen boleh dibuktikan sama ada dengan keterangan primer atau dengan keterangan sekunder. Walau bagaimanapun, secara prinsipnya pengemukakan keterangan dokumen di mahkamah mestilah dikemukakan dengan keterangan primer melainkan dalam keadaan-keadaan tertentu yang membolehkan keterangan sekunder dikemukakan seperti yang diperuntukkan dalam seksyen 51 dan 52 undang-undang yang sama.

Dalam kes *Permohonan Perisytiharan Status Agama Si Mati Nyonya Binti Tahir*, JH 16/2 (2006), keterangan dokumen yang terdiri dari surat perakuan si mati yang mendakwa dirinya sebagai beragama Buddha beserta gambar-gambar berkaitan cara hidup budaya Cina si mati telah menjadi *qarinah* dan bukti yang kuat untuk pihak mahkamah memutuskan si mati sebagai bukan Islam dan boleh dikebumikan mengikut agama Buddha, di samping keterangan anak-anaknya yang bukan beragama Islam sebagai *bayyinah* dan *qarinah*.

Wan Abdul Fattah (2011) telah merumuskan konsep dan takrifan keterangan dokumen seperti yang diperuntukkan oleh seksyen 3 EKMS 2003 serta statut-statut keterangan mahkamah syariah negeri-negeri lain sebagai apa sahaja bentuk dokumen yang boleh menerangkan atau menghuraikan sesuatu sama ada ia berbentuk abjad, angka atau tanda atau gabungan satu atau lebih bentuk-bentuk yang dinyatakan dalam peruntukan tersebut termasuklah dalam bentuk elektronik, tidak terbatas dalam bentuk manual atau yang diistilahkan kebiasaannya sebagai 'hardcopy'. Oleh yang demikian, pihak defendan dalam kes dakwaan ketidakmampuan kewangan disebabkan peningkatan kos sara hidup boleh juga menggunakan keterangan dokumen bersifat digital yang mudah untuk dikemukakan di mahkamah sebagai bukti. Kemajuan teknologi yang turut diraikan oleh institusi kehakiman pada masa kini boleh dimanfaatkan oleh pihak-pihak dalam kes dan mahkamah sendiri untuk menerima sebarang bentuk bukti atau merujuk apa-apa peranti atau aplikasi jika perlu dan relevan dengan fakta persoalan terutama berkaitan peningkatan kos sara hidup.

KESIMPULAN

Kajian ini tidak bermaksud untuk memihak mana-mana pihak terutama para suami atau bapa untuk tidak menunaikan tanggungjawab memberi nafkah. Bapa atau suami selama-lamanya (melainkan ada sebab munasabah) memikul tanggungjawab nafkah terhadap ahli keluarga terutama anak. Namun, bagi sebarang tuntutan yang difailkan di mahkamah syariah pihak hakim berperanan memastikan keputusannya sebagai keputusan yang adil memenuhi prinsip syariat atau maqasid syariah dan tidak menafikan hukum asal fiqh seperti yang termaktub dalam nas-nas syarak. Untuk memenuhi maqasid syariah mahkamah perlu mengambil kira kemampuan bapa atau suami dan keperluan penerima nafkah melalui pertimbangan yang wajar terutama dalam keadaan negara sedang menghadapi krisis ekonomi yang meruncing yang memberi kesan terhadap kedudukan kewangan institusi keluarga terutama golongan B40. Selari dengan kaedah fiqh 'Kemudaratan hendaklah dihilangkan' (al-Sayuti, 1996), prinsip *darar* (kerusakan/kemudaratan) boleh dijadikan tanda aras kepada pihak mahkamah semasa memutuskan apa-apa tuntutan berkaitan nafkah atau dakwaan cuai nafkah, sama ada *darar* di pihak penerima nafkah dan *darar* di pihak pembayar/pemberi nafkah terutama dalam mentaksir jumlah nafkah yang wajar sebagai perintah. Justeru apa sahaja perintah yang akan dikeluarkan oleh mahkamah, kedua-dua pihak perlu bekerjasama dengan mahkamah melalui keterangan-keterangan yang kuat supaya mahkamah boleh memahami situasi sebenar kes secara keseluruhan dengan mengambil kira juga situasi semasa negara yang sedang berhadapan dengan isu peningkatan kos sara hidup.

RUJUKAN

- Azizah Mohd Rapini. (2015). Aplikasi Kaedah Fiqh Berkaitan Beban Pembuktian: Tinjauan Ringkas Terhadap Undang-undang Keterangan Mahkamah Syariah dan Undang-undang Keluarga Islam. *Jurnal Hukum*. Jld 41 Bhg 1. 1-15.
- Abdul Walid Abu Hassan. (2016). *Hak-hak Wanita Menurut Undang-undang Keluarga Islam di Malaysia*. Kuala Lumpur: Universiti Islam Malaysia.
- Enakmen Undang-undang Keluarga Islam (Negeri Selangor) 2003.
- Enakmen Keterangan Mahkamah Syariah (Negeri Selangor) 2003.
- Mahmud Saedon A. Othman. (1993). Beban Dan Tahap Pembuktian Dalam Sistem Pengadilan Islam. *Jurnal Hukum* 1 Bil. 2. 334-346.

- Mahmud Saedon A. Othman. (1996). *An Introduction to Islamic Law of Evidence*. Shah Alam. Hizbi.
- Mohd Hazwan Ismail & Jasni Sulong. (2021). Pemberian Nafkah Anak Oleh Waris: Pelaksanaan dan Kekangan Undang-undang. *Journal of Muwafaqat*. Vol 4 No 2. 18-31.
- Norman Zakiyy, Hasnizah Hashim, Maizatul Farisah Mohd Mokhtar & Dina Imam Supaat. (2021). Taksiran Kadar Nafkah 'Iddah Tanpa Melalui Sulh: Tinjauan Awal Di Era Kehilangan Pekerjaan Akibat Wabak Covid-19. E-Prosiding Seminar Antarabangsa Islam dan Sains 2021, 9 September 2021. Universiti Sains Islam Malaysia. 225-241.
- Raihanah Azahari, Bahiyah Ahmad & Asmak Ab Rahman. (2012). Penentuan Kadar Kifayah Dan Ma'ruf Nafkah Anak dan Isteri: Kajian Terhadap Penghakiman Mahkamah Syariah. *Jurnal Syariah*. Jilid 20 Bil.2. 145-162.
- Al-Sayuti, Jalaluddin 'Abdul Rahman. (1996). *Al-Asybah wa al-Nazair*. Beirut: Muassasah al-Kutub al-Thaqafiyyah.
- The Mejjelle. (2001). Malaysia: The Other Press.
- Wan Abdul Fattah Wan Ismail. (2011). Kaedah Pembuktian Melalui Elektronik di Mahkamah Syariah. *Jurnal Hukum*. Jld 33 Bhg 2.165-182.